

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.03.2015

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setiap hutang 1MDB dengan bank-bank tempatan sehingga Januari 2015 dan bagi setiap hutang tersebut, nyatakan keputusan audit tahunan terkini yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia berkenaan setiap hutang tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga Januari 2015, jumlah hutang 1MDB dengan bank-bank tempatan adalah sebanyak RM5.037 bilion.

NO. SOALAN: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 25 MAC 2015

RUJUKAN : 7565

SOALAN:

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak sijil kelahiran lewat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara berikutan kes pemalsuan borang permohonan (*reference is made to the case of former court clerk Jinny Daniul who was convicted in 2013 for bribery and forging a Kota Kinabalu magistrates signature related to late birth certificates*) dan berapa banyak sijil-sijil kelahiran lewat yang diperoleh melalui kes ini telah dibatalkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara. Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara mendaftarkan kelahiran kanak-kanak di Malaysia mengikut peruntukan undang-undang seperti berikut:

- i. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia;**
- ii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah; dan**
- iii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak.**

Sehubungan dengan itu, mana-mana kelahiran yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara selepas 42 hari daripada hari kanak-kanak tersebut dilahirkan akan dikategorikan sebagai Pendaftaran Lewat Kelahiran dan Sijil Daftar Lewat Kelahiran akan dikeluarkan kepada kanak-kanak yang layak.

Bagi pendaftaran lewat kelahiran di negeri Sabah, peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 22(3) Ordinan Pendaftaran

Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah telah menetapkan agar individu yang telah dikeluarkan dengan Sijil Pendaftaran Lewat Kelahiran ke mahkamah untuk mendapatkan *endorsement* daripada Majistret Kelas Pertama. Walau bagaimanapun, merujuk kepada kes yang dibangkitkan, perlu ditekankan bahawa Sijil Pendaftaran Lewat Kelahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara adalah teratur dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan tetapi wujud pemalsuan *endorsement* di peringkat mahkamah yang berkenaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, mana-mana Sijil Pendaftaran Lewat Kelahiran yang didapati telah memperolehi *endorsement* yang dipalsukan, maka Jabatan Pendaftaran Negara berhak untuk mengeluarkan Cabutan Sijil Pendaftaran Lewat Kelahiran yang baru kepada individu berkenaan dan individu tersebut perlu mendapatkan semula *endorsement* daripada Majistret Kelas Pertama.

Mengenai perincian kes Jinny Daniul, perkara ini boleh dirujuk kepada Kementerian atau Jabatan yang berkenaan jua.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
(SARIKEI)**

TARIKH : 25.03.2015

SOALAN : 69

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah projek-projek telah dan akan dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kehidupan penduduk luar bandar di kawasan Parlimen Sarikei iaitu di Daerah Maradong dan Daerah Sarikei. Berapakah peruntukan kerajaan pusat telah dan akan disalurkan ke kawasan parlimen Sarikei dalam masa 5 tahun yang lepas dan 5 tahun akan datang.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebanyak 9 buah projek telah dilaksanakan di Daerah Maradong (3 buah projek) dan Daerah Sarikei (6 buah projek) dengan jumlah peruntukan RM 181,628,524 dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10. Jenis-jenis projek yang telah dilaksanakan merangkumi pembinaan jalan, penyediaan bekalan air dan peningkatan pusat latihan GIATMARA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedang dalam proses merancang program/ projek bagi tempoh 5 tahun akan datang di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).